

No. Soalan : 16
PR-1331-L66455

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
[SELAYANG]

TARIKH : **8 APRIL 2015**

SOALAN : **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
sebab-sebab untuk memanggil Duta Besar
Amerika bagi komennya bahawa Perdana
Menteri telah mengubah keputusan untuk
memansuhkan Akta Hasutan dan kesan ke
atas hubungan antara Malaysia dan Amerika
Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Tuan Yang Terutama Joseph Y. Yun, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, untuk hadir di Kementerian pada 10 Disember 2014 untuk memberikan penjelasan berhubung dengan komen beliau terhadap keputusan Kerajaan Malaysia untuk mengekalkan penggunaan Akta Hasutan 1948 dan kebebasan badan perundangan Malaysia yang telah dibuat oleh beliau semasa temubual dengan pihak media.

3. Kementerian berpandangan bahawa tindakan Duta Besar Amerika Syarikat tersebut tidak boleh diterima dan adalah bertentangan dengan tradisi dan norma diplomatik. Tindakan Duta Besar tersebut juga boleh ditafsirkan sebagai campurtangan pihak berkenaan di dalam hal-ehwal dalaman negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian berpandangan bahawa perkara ini tidak akan memberikan sebarang kesan kepada hubungan dua hala yang baik dan sedia terjalin di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Malaysia akan terus berkerjasama dengan pihak Amerika Syarikat untuk meningkatkan lagi hubungan kerjasama dua hala yang semakin berkembang pesat berikutan lawatan Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada bulan April 2014 dan keputusan kedua-dua buah negara untuk memperkukuhkan hubungan dua hala pada tahap '*Comprehensive Partnership*', dengan izin.

Sekian, terima kasih.